

# Kemahiran Penting Ibu Bapa untuk Pembentukan Keluarga Cemerlang

Zairie Sahira Zambri  
Fazlin Abdullah  
Kamarul Azmi Jasmi

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia qamar@utm.my

## Suggested Citation:

Zambri, Zairie Sahira; Abdullah, Fazlin; & Jasmi, Kamarul Azmi. (2019). *Kemahiran Penting Ibu Bapa untuk Pembentukan Keluarga Cemerlang*. Kertas kerja Dibentangkan di Seminar Institusi Islam 2019 dengan tema 'Ke Arah Pembentukan Masyarakat Cemerlang' bertempat di 5.01 Bangunan Tun Razak (SPACE), Kuala Lumpur, pada 18 Ogos 2018: 29-40, ISBN: 978-967-2171-91-1.

## Abstract

Artikel ini membincangkan tentang apakah peranan ibu bapa dalam membentuk sebuah keluarga yang cemerlang. Dikurniakan rezeki zuriat oleh Allah SWT adalah pemberian yang tidak ternilai bagi melengkapkan sebuah perkataan, iaitu keluarga. Dengan adanya anak-anak bagi melengkapkan konsep keluarga itu sudah pasti ianya datang dengan persediaan tanggungjawab dan peranan ibu bapa yang sangat berat bagi mencapai matlamat utama, iaitu sebuah keluarga yang bahagia. Hal ini kerana ibu bapa adalah insan pertama yang muncul dalam diri anak-anak juga insan yang paling rapat dengan anak-anak. Selain itu al-Quran turut menuntut ibu bapa supaya mempersiapkan diri untuk mendidik anak-anak ke jalan yang benar dan diredai Allah SWT. Artikel mencadangkan dan mengutarakan beberapa aspek dalam membentuk keluarga cemerlang, iaitu dari segi aspek emosi dalam mendidik anak-anak serta aspek persekitaran yang perlu diambil kira bagi mencapai keluarga cemerlang tersebut. Kata Kunci: Kemahiran keibubapaan, psikologi, cemerlang, anak, keluarga

## References

- Abdul Munir Ismail, Saharizah Mohamad Salleh & Misnan Jemali. 2016. "Analisis Bentuk Didikan Ibu Bapa Bagi Membentuk Sahsiah Cemerlang: Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Sebang, Alor Gajah, Melaka". *Jurnal Perspektif*, 8(2), 1-10.
- Abdul Munir, Ismail, Saharizah, Mohamad Salleh, & Misnan, Jemali. 2014. "Analisis Bentuk Didikan Ibu Bapa Bagi Membentuk Sahsiah Cemerlang: Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Sebang, Alor Gajah, Melaka". *Jurnal Perspektif*, 8(2), 10.
- Abdul Munir Ismail, Saharizah Mohammad Salleh & Misnan Jemali. 2010. "Analisis Bentuk Didikan Ibu Bapa Bagi Membentuk Sahsiah Cemerlang: Kajian di Sekolah Kebangsaan Pulau Sebang, Alor Gajah, Melaka". *Jurnal Pekspektif*, 1.
- Abdullah, Muriyah, Abdullah, Abdul Hafiz, & Rosman, Arieff Salleh. 2015. *Identifikasi Peranan Ibu Bapa dalam Memastikan Kelangsungan Pendidikan Tahfiz Anak-Anak*. Kertas Kerja dalam Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (IsPEN 2015). Selangor.
- Ahmad Munawar Ismail, Zakaria Stapa, Mohd Yusof Othman, Mashitah Yaacob. 2012. "Islam dalam Pendidikan dan Hubungannya". *Jurnal Hadhari Special Edition*, 41.
- Ahmad, Norsidah, & Jasmi, Kamarul Azmi. 2016. *Pelaksanaan Program Kecemerlangan Pembangunan Sahsiah Sekolah di Malaysia*. Kertas Kerja dalam International Seminar on Islamic Studies and Research (ICIER2016). Eagle Bay Hotel Langkawi.
- Al-Attas, Syed Muhammad al-Naqib. 1977. *Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).
- Al-Bukhari, Muhammad. 2001. *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari*. Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir (Ed.). Jld. 1-9. Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Amaludin, Ab. Rahman, & Zainal, Madon. 2010. "Konsep Keibubapaan Teras Pembentukan Insan Terbilang". *Jurnal Penyelidikan Islam*, 23, 125-141.
- Aziina, Komin, & Wan Noor Shazalina, Wan Sopian. 2017. *Kaitan Antara Tingkah Laku Keibubapaan dan Pendidikan Keagamaan dengan Moral Pelajar Remaja*. Universiti Teknologi Malaysia.

- Baba, Sidek. 2007. *Keluarga Islam, Kemahiran Keibubapaan dan Cabaran Semasa*. Azrina Sobian (Ed.). Petaling Jaya: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Baihaqi, Muhammad. 2003. *Menangani Masalah Anak Nakal*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Basiron, Bushrah, Ahmad, Hasnul Nizam, & Ibrahim, Izam Shahril. 2015. Mahasiswa dan Diet Sihat. Dlm. Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Mahasiswa dan Kehidupan dari Perspektif Islam: Penampilan, Kesihatan, dan Kegiatan Sosial*. Jld. 3. Skudai, Johor: Penerbit UTM Press.
- Hamzah, Azimi. 1994. *Menangani Permasalahan Remaja dan Belia: Pembentukan Remaja dan Belia Soleh Wa Musleh*. Kertas Kerja dalam Seminar Remaja. The Plaza Inn, Melaka.
- Harian Metro, Online*. 2012, 13 Mei 2012. Pantau Remaja Bermasalah. *Harian Metro, Online*. Diakses dari [www.hmetro.com.my](http://www.hmetro.com.my)
- Hussin, Zaharah. 2005. "Mendidik Generasi Berakhlak Mulia: Fokus Peranan Guru Pendidikan Islam". *Masalah Pendidikan*, 28(1), 79-94.
- Ismail, Ahmad Munawar, & Jasmi, Kamarul Azmi. 2016. *Akidah dan Akhlak dalam Pendidikan Islam*. Skudai, Johor: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2017. Remaja dan Kehidupan Berbatasan dalam Beragama. Dlm. Azmi Kamarul Jasmi (Ed.), *Siri 4 Remaja Hebat: Batasan Dan Halangan Kecemerlangan Remaja Muslim*. Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2005. *Menjejaki Kecemerlangan Rasulullah S.A.W. dalam Pendidikan Keluarga Islam*. Kertas Kerja dalam Sambutan Maulid al-Rasul. Perkarangan Masjid Jamek Ladang Sri Gading Pekan Sri Gading Batu Pahat Johor. [http://eprints.utm.my/41143/1/JasmiKA2005\\_MenjejakiKecemerlanganRasulullahdmlPendidikan.pdf](http://eprints.utm.my/41143/1/JasmiKA2005_MenjejakiKecemerlanganRasulullahdmlPendidikan.pdf)
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2016a. Amar Makruf Nahi Mungkar. Dlm. Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam*. Edisi Pertama ed., hlm. 11-13. Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia & Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam [Malaysia] (AIES).
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2016b. Pembangunan Akhlak. Dlm. Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam*. Edisi Pertama ed., hlm. 99-100. Skudai Johor:: Fakulti Tamadun Islam UTM & Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam [Malaysia] (AIES).
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2017a. Masalah Seksual dalam Kalangan Remaja dan Penyelesaiannya. Dlm. Azmi Kamarul Jasmi (Ed.), *Remaja Hebat Siri 1: Batasan dan Halangan Kecemerlangan Remaja Muslim*. Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2017b. *Remaja Hebat: Dasar Pembangunan Remaja Hebat*. Jld. 1. Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2020. *Kehebatan Doa dalam Islam*. Jld. 1. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Hong, Foo Chee, & Shamsuddin, Shazmeen Daniar. 2012. *Perkembangan Sosial Anak dan Hubungannya dengan Rakan Sebaya*. Kertas Kerja dalam Seminar Pertama Sains, Teknologi, dan Manusia.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Md Salleh, Siti Fauziyani. 2007. *Pendidikan dan Pembangunan Keluarga Cemerlang*. Skudai Johor Bahru: Penerbit UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Md. Saleh @ Masrom, Siti Fauziyani, Mustari, Mohd Ismail, et al. 2004. *Pembentukan Tatacara Kehidupan Beradab: Keperluan Asas Kanak-kanak Islam*. Kertas Kerja dalam Simposium Kebangsaan Kanak-kanak Menurut Perspektif Islam.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Mustari, Mohd Ismail, Bachok, Nurul Atika, et al. 2017. Membina Remaja Cemerlang dengan Kerohanian. Dlm. Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Remaja Hebat: Dasar mbaagwiaa Remaja Hebat*, P., ISBN: 978-983-52-1376-2. Jld. 1, hlm. 57-81. Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Razali, Siti Suraini. 2017. Peranan Islam dalam Membentuk Peribadi Remaja Cemerlang. Dlm. Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Remaja Hebat: Akhlak Sebagai Dasar Pembangunan Remaja Muslim*, p. Jld. 2, hlm. 1-18. Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Razi, Mohd. Rafeez, & Shidun, Mohamad Shafiq. 2012, 22 September 2012. *Toleransi dan Aktiviti Sosial dalam Kalangan Kanak-kanak*. Kertas Kerja dalam Seminar Pertama Sains, Teknologi, dan Manusia. Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Sahir, Zafirah, & Halim, Nur Asmidar. 2012, 22 September 2012. *Penjagaan Anak-anak yang Menyeronokkan*. Kertas Kerja dalam Seminar Pertama Sains, Teknologi, dan Manusia. Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamus Dewan*. 2005. *Kamus Dewan*. Edisi Keempat ed. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Pelajar*. (Ed.) 2008). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kosmo (Producer). (2019, february 27). Stres melampau punca dera anak. *Kosmo Online*. Retrieved from <http://www.kosmo.com.my/k2/rencana-utama/stres-melampau-punca-dera-anak-1.849576>

- Kraemer, Sebastian (Producer). (2000, December). US National Library of Medicine. *BMJ Publishing Group*. Retrieved from <https://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC1119278/>
- Mansor, Aminuddin. 2017, Dicember 26. Bentuk anak dengan didikan agama. *Utusan Online*, 1.
- Marchant, G.J, Paulson S.E, dan Rothlisberg,B.A. 2001. "Relation of middle school students perception of family and school context with academic achivement". *Psychology in school*, 38, 505-519.
- Marican, S, & Mohamed, Mahmood Nazar. 1995. "Pencemaran Budaya Remaja: Siapakah yang Bertanggungjawab". *Jurnal Kebajikan*, 17(1).
- Masyfu', Jiddy. 2017. *Konsep Pendidikan Akhlak Menurut Imam Al-Ghazali*. (Vol 2 No 1 (2017): April), Sekolah Tinggi Ilmu Tarbiyah Perstuan Guru Republik Indonesia Pasuruan, Indonesia, Unit Penelitian dan Pengabdian Masyarakat (UPPM).
- Mat Naib, Norfarhana. 2017. *Peranan Ibu Bapa Dalam Mendidik Anak-Anak*. (Ijazah Sarjana Muda Syariah), KIAS. (031)
- Mat Yusoff, Rabiatul 'Adawiyah, Abdullah Hamami, Nurul Faridah, & Jasmi, Kamarul Azmi. 2012. *Adab Percakapan dan Perkembangan Bahasa Anak-anak*. Kertas Kerja dalam Seminar Pertama Sains, Teknologi dan Manusia.
- Md Saman @ Osman, Asri. 2012. *Peranan Ibu Bapa dalam Mendidik Anak-Anak*. Jitra Kedah: Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, IPG Kampus Darulaman.
- Mohd Azhar, Nur Aziza, Zolkifli, Nurnasyitah, & Jasmi, Kamarul Azmi. 2012. *Pembentukan Nilai Peribadi kepada Anak-anak*. Kertas Kerja dalam Seminar Pertama Sains, Teknologi, dan Manusia.
- Mohd Noor, Ahmad Firdaus, Jasmi, Kamarul Azm, & A Shukor, Khairunnisa. 2013, 17-18 September 2013. *Masalah Sosial dalam Kalangan Pelajar dan Peranan Pensyarah Pendidikan Islam dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Kertas Kerja dalam Prosiding Seminar Pertama Pendidikan dan Penyelidikan Islam [SePPIM'13]. The Main Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Hairudin, Amin, & Kamarul Azmi, Jasmi. 2011. *Sekolah Agama: Penjana Generasi Berakhlak*. Ed. 1. ed. Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim, Malaysia: Penerbit UTM Press, Universiti Teknologi Malaysia.
- Muslim, al-Hajjaj. t.th. *Sahih Muslim*. Jld. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr.
- Nooraini, Othman, & Salasiah, Khairollah. 2013. "Ekplorasi Hubungan antara Personaliti Islamik dan Gaya Keibubapaan". *International Journal of Islamic Thought*, 4, 11.
- Norhisham, Muhamad. 2015. *Biah Solehah Dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA)*. (Doktor Falsafah), Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak.
- Raffardi, Izzah Nur Aida Zur. 2015. "Personaliti Bapa daripada Perspektif Islam". 7.
- Rajikin, M. H., Omar, B., & Sulaiman, S. 1997. *Pemakanan Dan Kesihatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Rashid, Abd Rahim Abd, Hussin, Sufean, & Hassan, Che Hashim. 2006. *Krisis dan konflik institusi keluarga*. Kuala Lumpur: Utusan Publications Distributer Sdn Bhd.
- Rashid, Abd Rahim Abd, Hussin, Sufean, & Tubah, Jamaludin. 2006. *Institusi Keluarga Menghadapi Cabaran Alaf Baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications Distributers Sdn Bhd.
- Sahalan, Safruddin bin (Producer). (2015, Februari 7). MyHealth Portal. *Peranan Ibu Bapa Sebagai Role Model Untuk Mendidik Anak Yang Sihat Dan Cemerlang*. Retrieved from <http://taknak.myhealth.gov.my/peranan-ibu-bapa-sebagai-role-model-untuk-mendidik-anak-yang-sihat-dan-cemerlang/>
- Sharif, Zainudin, & Mohamad Roslan, Norazmah. 2011. "Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Remaja Terlibat dalam Masalah Sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka". *Journal of Education Psychology & Counseling, volume, 1(1)*, 115-140.
- Siron, Rusinah. 2010. Remaja dan Masalah Sosial. *Utusan Malaysia*.
- Subhi, Nasrudin, Abu Bakar, Radhiah, Ahmad, Norazura, et al. 2012. "Hubungan Seksual Remaja: Antara Cinta dan Nafsu". *Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(1), 15-25.
- Talib al-Rembawi, Zakaria. 2003. *Pemakanan & Kesannya Terhadap Pembentukan Peribadi Muslim*. Selangor: Pustaka Ilmi.
- Tuskan, Harun Arrasyid 2003. *Peranan Dan Tanggungjawab Anak Terhadap Ibu Bapa*. Pustaka Al-Shafa: Kuala Lumpur.
- Wan Mohamed Radzi, Che Wan Jasimah. 2000. *Konsep Kesihatan Melalui Pemakanan: Pendekatan Islam dan Sains*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Zaid, Siti Salwa, & Jasmi, Kamarul Azmi () P. 2012. *Pendidikan Sosial Menurut Imam al-Nawawi: Satu Kajian Teks terhadap Kitab Riyad al-Salihin*. (Bachelor's), Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. Diakses dari <http://merr.utm.my/7266/>
- Zulkifli, A. H., O. , Jamilah, Aminah, A & , & IsmiArif, I. 2011. "Hubungan di antara penglibatan ibubapa dan pencapaian akademik pelajar miskin di negeri Selangor". *JIAE: Journal of Islamic and Arabic Education*, 3(2), 31-40.
- Zulkifli Abd. Hamid, et, al. 2011. "Hubungan antara ibu bapa dan pencapaian akademik pelajar miskin di Negeri Selangor". *Journal of Islamic and Arabic Education*, 38-39.

# 3

## KEMAHIRAN PENTING IBU BAPA UNTUK PEMBENTUKAN KELUARGA CEMERLANG

Zairie Sahira Zambri  
Fazlin Abdullah  
Kamarul Azmi Jasmi

### Abstrak

*Artikel ini membincangkan tentang apakah peranan ibu bapa dalam membentuk sebuah keluarga yang cemerlang. Dikurniakan rezeki zuriat oleh Allah SWT adalah pemberian yang tidak ternilai bagi melengkapkan sebuah perkataan, iaitu keluarga. Dengan adanya anak-anak bagi melengkapkan konsep keluarga itu sudah pasti ianya datang dengan persediaan tanggungjawab dan peranan ibu bapa yang sangat berat bagi mencapai matlamat utama, iaitu sebuah keluarga yang bahagia. Hal ini kerana ibu bapa adalah insan pertama yang muncul dalam diri anak-anak juga insan yang paling rapat dengan anak-anak. Selain itu al-Quran turut menuntut ibu bapa supaya mempersiapkan diri untuk menidik anak-anak ke jalan yang benar dan diredai Allah SWT. Artikel mencadangkan dan mengutarakan beberapa aspek dalam membentuk keluarga cemerlang, iaitu dari segi aspek emosi dalam mendidik anak-anak serta aspek persekitaran yang perlu diambil kira bagi mencapai keluarga cemerlang tersebut.*

**Kata Kunci:** Kemahiran keibubapaan, psikologi, cemerlang, anak, keluarga

### PENGENALAN

Mempunyai zuriat adalah salah satu impian setiap pasangan yang berkahwin. Kehadiran anak-anak dalam sesebuah perkahwinan sudah tentunya melengkapkan sesebuah keluarga. Walaubagaimanapun dengan hadirnya anak-anak dalam kehidupan pasangan yang berkahwin maka sebagai ibu bapa mereka hendaklah bersedia bukan sahaja dari segi kewangan malahan mereka perlu mempersiapkan diri dengan pelbagai kemahiran bagi membentuk sebuah keluarga yang bahagia dan cemerlang (Jasmi, Hong, *et al.*, 2012; Jasmi, Sahir, *et al.*, 2012; Mat Yusoff *et al.*, 2012; Md Saman @ Osman, 2012; Mohd Azhar *et al.*, 2012).

Seperti yang diketahui pembelajaran daripada rumah adalah sangat penting bagi membentuk akhlak dan sahsiah murni dalam kalangan anak-anak muda bertepatan dengan perpatah Melayu “*melentur buluh biarlah dari rebungnya*”. Hal ini demikian kerana dalam institusi kekeluargaan, insan yang paling hampir dengan anak-anak sudah pastilah ibu bapa. Oleh yang demikian, ibu bapalah yang akan mencorak perkembangan peribadi anak dari peringkat pertama kali anak-anak mencelikkan mata ke dunia ini sehinggalah anak-anak meningkat dewasa.

Dalam ajaran Islam, mendidik dan membentuk peribadi anak perlu dilaksanakan agar anak-anak patuh kepada perintah Allah SWT. Bahkan juga, ini adalah suatu kewajipan mutlak (Abdul Munir Ismail, Saharizah Mohamad Salleh & Misnan Jemali, 2016). Hal ini berdasarkan kepada satu hadis Rasulullah SAW (Al-Bukhari, 2001: 6599; Muslim, t.th.: 2658):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «مَا مِنْ مَوْلُودٍ إِلَّا يُولَدُ عَلَى الْفِطْرَةِ، فَأَبَوَاهُ يُهَوِّدَانِهِ  
وَيُنَصِّرَانِهِ وَيُجَارِيَانِهِ»



Maksud: *Abu Hurayrah RA berkata, "Rasulullah SAW bersabda, "Setiap anak yang dilahirkan adalah dalam keadaan bersih melainkan dua orang tuanya yang bertanggungjawab mencorakkannya menjadikan Yahudi atau Nasrani atau Majusi.*

(*Al-Bukhari dan Muslim*)

Ibu bapa adalah titik tolak yang pertama dalam mencorak dan mendidik anak-anak, memainkan peranan yang sangat penting dalam penghayatan nilai kehidupan serta memainkan peranan yang penting dalam sokongan yang berpanjangan kepada anak. Oleh itu, ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam pembangunan insani anak-anak bagi membentuk keluarga cemerlang (Abdullah *et al.*, 2015). Selaras dengan firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦﴾

Maksud: *Wahai orang yang beriman, "Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan bakarannya: manusia dan batu (berhala); neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderbaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkan-Nya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan*

(*Surah al-Tahrim, 66: 6*).

Terbukti ayat ini menunjukkan bahawa tanggungjawab untuk memelihara isteri dan anak daripada api neraka adalah satu kiasan agar anak dididik dengan baik sehingga menjadi manusia yang soleh. Akibat daripada kesolehan itu, mereka terpelihara daripada azab api neraka.

## DEFINISI KELUARGA CEMERLANG

Keluarga menurut *Kamus Dewan* (2005) adalah bermaksud suami, isteri dan anak-anak; seisi rumah dan berasal dari orang yang baik-baik. Manakala cemerlang pula beerti gemilang (*Kamus Dewan*, 2005; *Kamus Pelajar*, 2008; Jasmi & Md Salleh, 2007). Oleh yang demikian, keluarga cemerlang dapat diertikan sebagai keluarga yang gemilang dan bahagia.

## IBU BAPA DAN PEMBENTUKAN KELUARGA

Peranan ibu bapa dalam membentuk keluarga cemerlang terbahagagai ke pada tiga dimana ianya ialah peranan dari segi emosi, persekitaran dan sahsiah ibu bapa terutamanya kepada anak-anak. Kesemua aspek dan peranan ini perlu dititikberatkan oleh para ibu bapa bagi membentuk sebuah keluarga yang cemerlang.

### Emosi

Kesihatan emosi anak-anak adalah menjadi titik tolak kejaayan sesebuah keluarga. Anak-anak cenderung lebih sensitif terutamanya semasa mereka masih kecil (Md Saman @ Osman, 2012; Mohd Azhar *et al.*, 2012). Kajian yang disiarkan oleh 'U.S National Library Medicine' bayi lelaki lebih rapuh dan lebih dipengaruhi oleh mood dan emosi si ibu. Sebaik sahaja bayi lelaki dilahirkan otak bayi lelaki masih tidak tumbuh sepenuhnya berbanding dengan bayi perempuan dimana tanah perkembangannya otaknya adalah lebih enam minggu daripada bayi lelaki. Kelebihan pertumbuhan ini memberi bayi perempuan lebih momentum dan terus berkembang dengan lebih cepat (Kraemer, 2000). Perkembangan emosi kanak-kanak dipengaruhi oleh bagaimana ibu bapa membesarkan mereka selain daripada faktor biologikal.

Peranan ibu bapa dari segi emosi dalam membentuk keluarga cemerlang terbahagi kepada beberapa perkara, iaitu ibu bapa sebagai motivator dan pembimbing, Ibu bapa sebagai motivator dan pembimbing, Ibu bapa yang bijak menguruskan tekanan, Ibu bapa menjadi contoh (role model) kepada anak-anak dan ibu bapa yang peka terhadap perkembangan anak (Abdul Munir Ismail, Saharizah Mohammad Salleh & Misnan Jemali, 2010; Amaludin & Zainal, 2010; Zulkifli Abd. Hamid, 2011; Zulkifli et al., 2011; Md Saman @ Osman, 2012; Nooraini & Salasiah, 2013; Abdul Munir *et al.*, 2014; Abdullah *et al.*, 2015).

### **Ibu Bapa Sebagai Motivator dan Pembimbing**

Ibu bapa hendaklah sentiasa memberi dorongan kepada anak-anak. Umum mengetahui kebolehan setiap anak-anak adalah berbeza-beza. Oleh yang demikian ibu bapa hendaklah tidak membezakan kejayaan anak-anak. Sebaliknya sebagai ibu bapa bertanggungjawab memberi dorongan kepada setiap anak-anak untuk terus maju sekiranya anak-anak berputus asa atau gagal dalam perkara yang dilakukan oleh mereka. Sebagai contohnya merujuk kepada kajian oleh Marchant (2001) mendapati ibu bapa adalah faktor dalam menggalakkan anak-anak untuk sentiasa mencuba. Justeru, ibu bapa perlu bersikap lebih optimis untuk memastikan anak-anak mereka sentiasa berada di jalan dan landasan yang benar bagi melahirkan anak-anak yang lebih bersikap positif. Ibu bapa juga hendaklah tidak terbawa-bawa sebarang masalah yang dialaminya ke rumah dan melepaskan amarahnya kepada anak-anak mereka. Sehubungan dengan itu, sebagai ibu dan bapa mereka mewujudkan satu persekitaran yang aman dan damai dalam hubungan keluarga supaya anak-anak tidak terasa di tindas dan berasa berbahagi kasih sayang sesama sendiri. Ibu bapa juga perlu bersikap adil dan saksama.

### **Ibu Bapa yang Bijak Menguruskan Tekanan**

Ibu bapa juga perlu bijak dalam menangani tekanan yang dihadapi supaya ianya tidak memberi kesan kepada anak-anak. Kerap kali dipaparkan di media masa bahawa ibu bapa melempiaskan tekanan hidup yang dihadapinya kepada anak-anak sehingga terjadinya perkara yang tidak diingini seperti ibu bapa mendera anak-anak sama ada dari segi fizikal dan mental. Sebagai contoh, Kosmo (2019) ada memberitakan bahawa pada awal tahun 2019 terdapat satu laporan dibuat oleh surat khabarnya yang mendakwa ibu bapa yang mendera anak-anak mengalami masalah psikologi seperti tekanan yang melampau (Baba, 2007; Abdul Munir *et al.*, 2014).

Sudah pastinya sekiranya perkara itu berterusan anak-anak akan menjadi seorang yang pendendam dan rendah diri akibat dari tekanan yang diberikan oleh ibu bapa mereka. Sebagai ibu bapa seharusnya menguruskan stress dengan lebih matang di mana mereka perlu selalu berfikiran positif terhadap tekanan yang dihadapi, mengenalpasti punca masalah yang dihadapi dan menyelesaikannya serta tidak meletakkan kesalahan kepada orang lain. Selain itu berpegang teguh kepada ajaran agama Islam dan menunaikan perkara yang diwajibkan dapat membentuk ibu bapa yang lebih bersabar dan tenang (Baba, 2007; Abdul Munir *et al.*, 2014).

Pakar psikiatri dari Universiti Teknologi Mara Specialist Centre, Sungai Buloh Dr. Nurul Azreen Hashim dalam ulasannya kepada surat khabar kosmo memberitahu bahawa adalah sangat penting untuk ibu bapa mengetahui perkembangan anak-anak mengikut umur dan mendisplinkan anak-anak dengan cara yang betul dan bukannya menggunakan kekerasan (Kosmo, 2019).

### **Ibu Bapa Menjadi Contoh (*Role Model*) Kepada Anak-anak**

Perpatah yang berbunyi “*bapak borek anak rintik*” sudah pastinya membawa maksud bagaimana ibu bapanya begitulah anak-anaknya. Pendidikan awal anak-anak adalah bermula dari rumah bersama ibu bapanya (Jasmi *et al.*, 2004; Jasmi, 2005; Jasmi & Md Salleh, 2007). Merujuk kepada artikel yang diterbitkan oleh portal rasmi kerajaan *My health for life* menyatakan ibu bapa seharusnya menjadi *role model* untuk dicontohi oleh anak-anak dengan memaparkan gaya hidup yang sihat dan sentiasa tampil kemas dan ceria (Sahalan, 2015).

Manakala Raffardi (2015) dalam tulisannya menyatakan bahawa sebagai ibu bapa mereka hendaklah menunjukkan tauladan dan yang baik supaya ianya menjadi ikutan anak-anak. Sifat baik dari segi akhlak dan adab tidak akan terbentuk dalam diri anak-anak sekiranya ibu bapa tidak memaparkan sikap tersebut di hadapan anak-anak.

### **Ibu bapa yang peka terhadap perkembangan anak**

Ibu bapa hendaklah sentiasa mengetahui perkembangan anak-anak dari masa ke semasa ini adalah untuk mengelakkan anak-anak terdedah kepada perkara negatif terutamanya tanpa kawalan daripada ibu bapa (Jasmi, Hong, *et al.*, 2012; Jasmi, Razi, *et al.*, 2012; Mohd Azhar *et al.*, 2012). Ibu bapa hendaklah bertindak atau mendidik anak-anak seiring dengan peredaran umur anak-anak. Hal ini kerana emosi anak-anak akan berubah seiring dengan umurnya. Oleh yang demikian, ibu bapa hendaklah sentiasa bersedia dengan langkah tertentu bagi menangani emosi anak-anak dengan cara yang terbaik. Selain pengawasan dirumah, ibu bapa juga hendaklah sentiasa berhubung baik dengan guru anak-anak disekolah bagi memastikan ibu bapa dapat mengetahui perkembangan akademik anak disekolah dan dapat membantu meningkatkan pengetahuan akademik pelajar melalui pelbagai bentuk sama ada melalui perbincangan dan sebagainya (Zulkifli Abd. Hamid, 2011).

## **PERSEKITARAN**

Faktor persekitaran memainkan peranan yang penting dalam membentuk keluarga yang cemerlang. Hal ini kerana, keadaan persekitaran yang lebih tenang dan dipenuhi oleh kasih sayang dapat membentuk anak-anak yang lebih baik dari segi akidahnya (Ismail & Jasmi, 2016).

Faktor persekitaran yang lebih baik juga dapat membentuk anak-anak yang lebih baik dari segi akademik, penampilan, sahsiah serta dapat memupuk nilai murni dalam kalangan anak-anak (Hussin, 2005).

Antara faktor persekitaran yang perlu diambil kira bagi oleh ibu bapa bagi membentuk keluarga cemerlang ialah ibu bapa yang menerapkan nilai agama, sebagai sumber inspirasi dan ibu bapa menyediakan pemakanan yang seimbang (Norhisham, 2015).

### **Menerapkan Nilai Agama**

Ajaran Islam adalah sangat sesuai dengan psikologi masyarakat Melayu dimana ianya masyarakat Malayu mengamalkan cara hidup yang lemah lembuh dan lebih bersikap alami (Ahmad Munawar Ismail, 2012). Masalah sosial, keruntuhan akhlak serta jenayah dalam kalangan anak muda dapat ditangani melalui didikan agama yang secukupnya serta pendedahan yang selengkapnya oleh ibu bapa (Jasmi, Hong, *et al.*, 2012; Zaid & Jasmi, 2012; Mohd Noor *et al.*, 2013).

Tunjang utama dalam konsep mendidik anak-anak adalah dengan memberikan didikan agama yang cukup, ini adalah faktor yang mampu membentuk sahsiah yang cemerlang dalam diri anak-anak. Rasulullah SAW bersabda bahawa “akhlak yang buruk akan merosakkan amal seperti cuka merosakkan madu” (Al-Attas, 1977; Mohd. Hairudin & Kamarul Azmi, 2011; Jasmi, 2016b; Masyfu', 2017). Oleh yang demikian, jelaslah bahawa ibu bapa harus memberikan Pendidikan agama kepada anak agar mereka menjadi individu yang cemerlang di dunia dan akhirat. Oleh itu, ibu bapa perlu menekankan gaya hidup berlandaskan penghayatan al-Quran sebagai panduan hidup sejak dari awal peringkat umur anak-anak bagi menyemai sifat ketakwaan anak-anak terhadap Allah SWT (Mansor, 2017).

Pendidikan agama dan moral adalah sangat penting dalam membantu manusia yang lebih mematuhi undang-undang dan mewujudkan anggota masyarakat yang lebih beretika dan lebih bersopan-santun. Tanpa ajaran dan pegangan agama yang kukuh anggota masyarakat terutamanya golongan remaja akan lebih terbawa-bawa dan mengikuti budaya social yang boleh menjadi ‘duri dalam daging’ atau ‘api dalam sekam’. Hal ini demikian akan menjadikan golongan remaja melebihi dalam mementingkan hal-ha; keseronokan walaupun mereka tahu ianya bertentangan dengan ajaran dan nilai agama Islam itu sendiri. Oleh itu, bagi mengelakkan masalah ini dari

terus berleluasa ibu bapa hendaklah menerapkan nilai murni yang diajar dalam Pendidikan agama seperti kepercayaan kepada Allah swt, bersikap amanah dan toleransi, sentiasa bertindak secara rasional, dan sebtiasa mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan.

### **Ibu Bapa Sebagai Sumber Inspirasi**

Ibu bapa juga hendaklah contoh teladan dan sikap yang baik dalam mengacu anak-anak supaya mereka seorang insan yang lebih cemerlang dan berjaya. Mereka adalah golongan yang paling dekat dan yang paling berpengaruh terhadap didikan anak-anak. Ibu bapa juga bertanggungjawab untuk mencipta satu persekitaran yang aman damai sama ada di dalam rumah, kawasan sekitar dan cara pergaulan. Hal ini akan memberi kesan yang mendalam buat anak-anak kerana mereka terdedah dengan pelbagai rupa bentuk sikap sama ada dari sikap positif atau negatif. Hal ini demikian jelas terbukti apabila ibu bapa dan ahli keluarga adalah individu yang bertanggung jawab untuk mengasuh dan mendidik mereka (Md Saman @ Osman, 2012; Mat Naib, 2017; Siron, 2010; Sharif & Mohamad Roslan, 2011). Oleh itu, perkara dan perbuatan yang negatif seperti menghisap rokok, meminum arak dan berjudi haruslah dihindari. Ibu bapa berperanan menjadi contoh tauladan bersikap baik seperti baik-baik pepatah Melayu yang menyebut ‘yang buruk dijadikan sempadan’ dalam membentuk anak-anak untuk menjadi insan yang cemerlang. Seperti kenyataan yang dibuat daripada Jasmi dan Md Salleh (2007) menyatakan setiap anak ialah amanah Allah SWT, anak ialah asset keluarga yang paling bernilai, jangan membandingkan setiap anak-anak dan anak-anak hendaklah dididik dan dibesarkan dalam suana keluarga yang harmorni.

### **Pendidikan Awal Anak-anak**

Jika terdapat sikap anak-anak yang mula menunjukkan sikap negatif dari peringkat awal, ibu bapa seharusnya bertindak segera demi mengawal sikap itu supaya tidak berlarutan sehingga dewasa. Hal ini demikian demikian seperti kata pepatah “melentur buluh biar dari rebungnya” amat sesuai dijadikan sebagai satu garis panduan supaya anak-anak tidak terjebak dengan sebarang kelakuan yang akan merosakkan diri dan masyarakat. Hal ini demikian selaras dengan tugas dan tanggungjawab ibu bapa selaku penjaga anak-anak dan wajib memantau setiap pergerakan dan pergaulan anak-anak sedari kecil (Hamzah, 1994; Baihaqi, 2003; Jasmi, Kamarul Azmi, 2017a).

Menurut Md Saman @ Osman (2012), ibu bapa merupakan orang yang memainkan peranan penting dalam pembentukan peribadi anak-anak. Didikan awal yang sempurna boleh menjamin kejayaan anak-anak di masa hadapan agar tidak terjebak atau terjerumus kepada perkara atau perbuatan yang negatif. Memang tidak dapat dinafikan bahawa ibu bapa adalah sumber utama yang wajib memainkan peranan dalam melaksanakan tanggung jawab mengasuh, mendidik, mengajar serta membimbing anak-anak mereka untuk menjadi pewaris kepada keturunan yang cemerlang ilmu dan akhlaknya sama ada di dunia dan di akhirat. Hal ini sekali gus membentuk anak-anak yang bukan sahaja boleh dijadikan cermin dan juga sebagai pejuang amar makhruf nahi mungkar dan khalifah di muka bumi ini (Jasmi, 2016a). Maka pengetahuan ibu bapa dalam mendidik anak-anak perlu diasah sesuai dengan kemajuan dan kemodenan dunia yang serba canggih dengan mengumpul, mendalami serta mempraktikkan segala maklumat terkini yang sesuai dengan keadaan semasa.

Kegagalan ibu bapa dalam mempersiapkan diri dengan elemen yang sepatutnya ada pada diri ibu bapa adalah punca sebenar kegagalan membentuk generasi yang bukan sahaja berilmu bahkan berakhlak mulia. Justeru itu, ibu bapa harus menjadi cermin dan contoh teladan yang baik kepada anak-anak mereka dalam setiap cabang segi. Pelbagai pendekatan dan kaedah boleh dilakukan dalam mendidik anak. Pengaruh keluarga dan cara asuhan merupakan aspek penting dalam pendekatan kaunseling keibubapaan.

Brooks, J. dalam bukunya “The process of parenting” (1991) membahagikan cara gaya keibubapaan kepada tiga kategori, iaitu *authoritarian*, permisif dan *authoritatif*. *Authoritarian*

bermaksud cara gaya yang memberi tahap pengawasan yang tinggi terhadap kelakuan anak-anak dengan menggunakan hukuman terhadap salah laku mereka. Cara gaya ini biasanya melibatkan komunikasi yang minimum antara ibu bapa dan anak terutama yang berkaitan perasaan dan emosi. Ibu bapa kategori ini kurang menunjukkan kasih sayang terhadap anak dan mewujudkan jurang antara mereka.

Dalam satu kajian *longitudinal*, Baumrind (1989, 1991) menemui pendapat bahawa anak kepada ibu bapa authoritarian ialah anak yang patuh, pendiam dan berwaspada tetapi kurang gembira. Ibu bapa juga hendaklah sentiasa mengawal perangai dan perbuatan anak-anak terutamanya pada peringkat remaja bagi membentuk anak-anak untuk menjadi modal insan yang cemerlang dan terbilang. Khususnya pada zaman ini anak-anak muda amat mudah terpengaruh dengan perkara negative yang dilakukan oleh raka sebaya. Oleh yang demikian, ibu bapa hendaklah memahami jiwa dan naluri anak-anak muda terutamanya dan memdidik mereka sebaik yang mungkin bagi memastikan mereka sentiasa berkawan dengan orang yang baik pekertinya.

### **Ibu Bapa Memberikan Kasih Sayang Sepenuhnya**

Ibu bapa juga hendaklah memberikan kasih sayang yang secukupnya kepada anak-anak mereka bagi melahirkan modal insan yang cemerlang. Kasih yang diberikan oleh ibu bapa hendaklah diutarakan dalam bentuk perbuatan dan luahan kata-kata. Antara yang boleh dilakukan ibu bapa bagi memastikan anak-anak mereka dapat merasakan kasih sayang yang diberikan ialah dengan memuji anak-anak dengan cara memberi anak-anak hadiah atau meluahkannya melalui kata-kata yang memberansangkan bagi menyuntik semangat serta memberikan dorongan kepada anak-anak disamping itu ianya juga dapat memberikan motivasi kepada anak-anak untuk terus berusaha dalam mengejar cita-cita mereka.

Ibu bapa juga hendaklah mengelakkan menggunakan kata-kata yang kesat dalam mendidik anak-anak, ini bagi mengelakkan anak-anak terpengaruh atau terkesan dengan perbuatan tersebut seterusnya ianya akan mempengaruhi pembentukan diri anak-anak. Kebanyakan kerosakan yang berlaku dalam kalangan anak-anak muda adalah disebabkan masalah yang dihadapi dari rumah mereka sendiri seperti sikap ibu bapa yang memetingkan hal pekerjaan dan hal-hal lain sehingga tiada masa diluangkan atau memantau aktiviti anak-anak. Seterusnya, anak-anak akan melakukan perkara yang negative bagi menarik perhatian ibu bapa kepada mereka.

Menurut Hamachek (1995), pembentukkan perlakuan anak bermula dari rumah. Suasana keluarga yang tidak harmoni, tanpa kasih sayang daripada ibu bapa akan mendorong anak-anak untuk mencari kebahagiaan dan keseronokan di luar rumah bersama rakan-rakan seusia. Pada era ini, kita boleh melihat betapa banyak kes yang melibatkan anak muda remaja yang terjerumus dalam masalah yang serius terutama pada isu sosial. Perana ibu bapa pada zaman sekarang dilihat makin mencabar setelah dunia sekarang terdedah dengan kecanggihan teknologi dimana segala maklumat hanya dihujung jari. Hal ini demikian disokong oleh (Abdul Munir Ismail, Saharizah Mohammad Salleh & Misnan Jemali, 2010), sikap ibu bapa yang kurang peduli terhadap anak-anak akan menjadi pendorong utama kewujudan segala masalah sosial dalam kalangan anak-anak.

### **Ibu Bapa Menyediakan Pemakanan yang Seimbang**

Ibu bapa juga perlulah menyediakan anak-anak dengan makanan yang lebih seimbang serta makanan sunah yang diberitahu dalam al-Quran dan hadis (Wan Mohamed Radzi, 2000). Setiap anak-anak haruslah dibekalkan dengan nutrient yang cukup seperti karbohidrat, vitamin, lemak dan sebagainya (Rajikin et al., 1997; Wan Mohamed Radzi, 2000; Basiron et al., 2015). Hal ini kerana, fizikal yang sihat dapat membantu dalam pembentukan semangat yang kuat serta waja diri anak-anak bagi menghadapi sebarang cabaran di era globalisasi ini (Talib al-Rembawi, 2003).



## SAHSIAH IBU BAPA

Sahsiah ibu bapa juga di anggap sebagai elemen penting untuk membentuk sahsiah anak-anak. Kaedah yang digunakan oleh ibu bapa terhadap anak-anak untuk membentuk sahsiah yang baik terhadap mereka (Tuskan, 2003; Aziina & Wan Noor Shazalina, 2017). Ada dalam kalangan ibu bapa yang tidak menunjukkan sahsiah yang baik tetapi mengharapkan sahsiah itu dari dalam diri anak mereka. Hal ini demikian jelas menunjukkan tiada konsep contoh dan teladan yang diterapkan dalam didikan anak-anak. Segelintir ibu bapa zaman sekarang masih mengharapkan seratus peratus didikan yang diberikan di sekolah (Ahmad & Jasmi, 2016). Dan jika didikan ini gagal dibuktikan oleh anak-anak mereka, mereka mula menuduh bahawa institusi Pendidikan tidak memberi kesan dalam mendidik anak-anak mereka dan menyalahkan tenaga pengajar yang selaku menjaga anak-anak mereka disekolah.

Walaubagaimanapun segelintir ibu bapa juga hanya mengharapkan cara hidup mereka supaya dicontohi oleh anak-anak tanpa memantau sepenuhnya dan bergantung harap pada cara mereka untuk anak-anak mengikutinya. Cara didikan sahsiah yang sebegini tidak akan memberi kesan pada anak-anak hanya dengan memberikan contoh tanpa memantau aktiviti anak-anak. Selaras dengan sepotong lagu yang berbunyi “iman tak dapat diwarisi dari seorang ayah yang bertakwa”. Hal ini terbukti bahawa tiada apa yang menjamin akhlak seseorang anak itu walaupun dilahirkan dalam keluarga yang serba sempurna didikan agama. Oleh yang demikian, dalam mendidik anak-anak ini, masa juga memainkan peranan yang penting bagi melahirkan anak-anak yang berkualiti. Ramai anak remaja zaman sekarang yang terlibat dengan gejala sosial datangnya dari keluarga yang ikatan ukhuwahnya tidak kuat. Mereka terabai dari segi kasih sayang, perhatian dan masa dari ibu bapa.

Sebagai ibu bapa mereka seharusnya selalu berdoa dan memohon kepada Allah SWT supaya anak-anak mereka yang dilahirkan menjadi seorang yang soleh dan solehah (Jasmi, 2020). Kejayaan memiliki anak-anak yang solehah itu pula akhirnya dapat membantu mendoakan ibu bapa yang tiada dengan mendoakan kesejahteraan ibu bapanya. Hal ini jelas dimaklumkan dalam hadis berikut (Muslim, t.th.: 1631):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ، قَالَ: «إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةٍ: إِلَّا مِنْ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ، أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ، أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ.»

Maksud: *Abu Hurayrah RA menceritakan bahawa Rasulullah SAW bersabda, “Apabila meninggal dunianya seseorang anak Adam maka terputuslah segala amalannya di dunia kecuali tiga perkara, iaitu sedekah dan amal jariah, ilmu yang dimanfaatkan dan doa anak-anak yang soleh yang sentiasa mendoakan mereka.*

(Muslim)

Di samping itu, kajian statistik mendapati hampir 50% remaja yang terlibat dengan gejala negatif lazimnya mempunyai konflik keluarga (Rashid, Hussin, & Hassan, 2006; Rashid, Hussin, & Tubah, 2006; Siron, 2010; Sharif & Mohamad Roslan, 2011). Dengan ini benarlah bahawa kepimpinan melalui teladan merupakan dorongan yang boleh dihulurkan oleh ahli keluarga untuk kecemerlangan anak-anak. Semua ibu bapa mengharapkan kejayaan dari didikan sempurna dari mereka dan mempunyai masa depan yang cerah. Dorongan yang utama adalah melalui didikan agama yang sempurna supaya mereka boleh memanfaatkan ilmu atau ajaran yang diterapkan dalam Islam (Mansor, 2017). Justeru itu sokongan dan dorongan ibu bapa menjadi satu aspek yang penting dalam membina akhlak dan tingkah laku anak-anak. Suara dan ton percakapan juga dapat mempengaruhi emosi anak-anak terhadap kita, dengan menggunakan kata-kata nasihat yang lembut. Hamka pernah berkata “kata-kata yang lembut dapat melembutkan hati yang lebih keras daripada batu”. Ibu bapa juga wajib meluangkan masa dengan mereka dan

memahami kehendak dan pendapat anak-anak dan berkingsi masalah supaya mereka akan lahir daripada keluarga yang dilimpahi kasih sayang.

Manakala dari segi penyediaan persekitaran yang sesuai dan baik juga adalah tanggung jawab ibu bapa kepada anak-anak. Tidak perlu sebuah rumah yang besar dan luas. Penyediaan mengikut kemampuan dan selesa adalah keutamaan bagi mewujudkan satu ruang privasi antara ibu bapa dan anak-anak untuk masa bersendirian. Jika keadaan fizikal rumah yang tidak kondusif seperti rumah yang sempit, berselerak dan kotor akan memaksa anak-anak keluar dari rumah dan mencari ketenangan di luar dan terdedah kepada risiko terlibat dengan gejala-gejala yang tidak sihat (Hamzah, 1994; Marican & Mohamed, 1995; Siron, 2010; Sharif & Mohamad Roslan, 2011; *Harian Metro*, 2012; Subhi *et al.*, 2012).

Ibu bapa juga haruslah memastikan ikatan keluarga yang erat dalam perhubungan adik beradik hendaklah berterusan dan hal ini dapat dibuktikan jika ibu bapa tiada dirumah, anak yang sulung akan menjaga dan mengawasi adik beradik supaya terhindar dari bahaya. Mereka juga harus berdikari dan hidup berpandukan ilmu agama Islam yang menuntut “amar makhruf nahi mungkar”. Walaubagaimanapun jika anak-anak diberi didikan yang sempurna dan lengkap, mereka sentiasa akan dapat mengawal tingkah laku dan tidak mudah terjebak dengan sebarang aktiviti yang merosakkan (Jasmi, Kamarul Azmi, 2017b; Jasmi, Kamarul Azmi, 2017; Jasmi *et al.*, 2017; Jasmi & Razali, 2017).

Anak-anak juga perlulah selalu diingatkan tentang nasihat dan kata-kata berunsur positif supaya mereka sentiasa dibekalkan dengan dorongan dan teladan dalam setiap kata-kata dan nasihat yang diberikan. Ada sesetengah ibu bapa yang tidak peduli untuk memantau aktiviti anak mereka dan meninggalkan mereka dalam dunia sendiri dan melalaikan.

## RUMUSAN

Terdapat pelbagai pendekatan dalam mendidik anak-anak untuk menjadikan mereka insan cemerlang. Kejayaan anak-anak merupakan matlamat terakhir yang ingin dicapai dalam Pendidikan Islam. Ibu bapa mempunyai tanggung jawab yang amat besar dan menjadi peranan yang penting untuk memastikan anak mereka mendapat pendidikan yang sempurna. Kegagalan ibu bapa berbuat demikian akan menyebabkan anak terabai dan terdedah kepada pelbagai masalah dalam kehisapan, seterusnya menjejaskan masa depan mereka.

Demikian tertulisnya ayat dari cendekiawan yang berbunyi Pendidikan awal yang sempurna apabila segalanya bermula dari rumah. Hal ini demikian kerana setiap hasil dari segi tingkah laku dan perbuatan pada seseorang anak itu bergantung kepada cara didikan ibu bapa itu sendiri. Jika ibu bapa menjalankan tanggung jawab mengikut landasan yang betul, maka anak-anak akan menjadi seorang insan yang cemerlang dan dapat memanfaatkan ilmu yang dipelajari sepenuhnya dan dapat memanfaatkan kebaikan kepada orang lain.

Walaubagaimanapun kebaikan atau keburukan yang dilakukan oleh anak-anak akan ditanggung sepenuhnya oleh ibu bapa selagi mereka tidak mencapai tahap akil baligh untuk membezakan diantara perkara baik dan buruk. Pada era globalisasi ini, kadar masalah remaja semakin hari semakin meningkat. Hal ini dikatakan kerana mereka terlibat dengan gejala sosial seperti vandalism dan gangsterism. Dalam usaha membanteras isu ini ibu bapa seharusnya memainkan peranan mereka selaku individu yang paling rapat dengan anak-anak. Ketegasan yang ditunjukkan oleh ibu bapa dapat memberi kesan terhadap kehidupan anak-anak itu sendiri. Ramai keliru dengan cara didikan ibu bapa sama ada ditekankan pada ketegasan atau kongkongan. Disini anak-anak tidak dapat membezakan ketegasan dan kawalan yang ketat sehinggakan mereka berasa tidak dapat memuakkan kehendak dalam diri lalu memberontak dan menjadi krisis diantara ibu bapa dan anak.

Ramai diantara ibu bapa dan anak-anak yang mengalami krisis dalam perhubungan akibat dari salah faham dan tidak sehaluan sehinggakan menjadi konflik ketegangan selama bertahun-tahun dan akhirnya menjadi rengang. Biasanya konflik begini tidak patut berlaku jika ibu bapa memainkan peranan dan menggunakan kemahiran sebagai ibu bapa yang pandai mengawal

emosi anak-anak. Ibu bapa yang bijak mengawal emosi dan dapat menyelesaikan setiap permasalahan yang berlaku. Setiap didikan tidak boleh digunakan secara kekerasan dan dengan teknik yang betul bagi mengelakkan anak-anak terasa diri dianiaya dan tersinggung dengan kata-kata atau cara ibu bapa itu sendiri.

Kesimpulannya kemahiran penting ibu bapa dalam membentuk keluarga cemerlang amat dititikberatkan ketika di awal pendidikan anak-anak supaya dapat diselaraskan dengan mengikut ajaran Islam yang mewajibkan setiap anak itu mematuhi undang-undang Islam disamping mentaati ibu bapa sendiri. Bak kata pepatah “anak itu ibarat kain putih, ibu bapa yang mencorakkannya” istilah ini amat tepat bagi menunjukkan betapa besarnya pengaruh ibu bapa dalam membentuk anak-anak. Jika ibu bapa tidak mengamalkan didikan Islam dalam diri anak-anak maka kehidupan mereka akan terdedah dengan perkara yang buruk dan akan terjebak dengan perkara-perkara yang merosakkan akidah.

Islam amat menggalakkan ibu bapa untuk menghabiskan masa lapang dengan anak-anak dengan sesuatu benda yang berfaedah seperti riadah dan melakukan aktiviti-aktiviti yang dapat membina sahsiah kekeluargaan seperti mengadakan hari keluarga disamping mengeratkan ukhuwah. Melalui cara ini ikatan perhubungan anak dan ibu bapa dapat dieratkan sekali gus tanggung jawab dan didikan yang sempurna dapat dijalankan dengan baik.

## RUJUKAN

- Abdul Munir Ismail, Saharizah Mohamad Salleh & Misnan Jemali. 2016. “Analisis Bentuk Didikan Ibu Bapa Bagi Membentuk Sahsiah Cemerlang: Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Sebang, Alor Gajah, Melaka”. *Jurnal Perspektif*, 8(2), 1-10.
- Abdul Munir, Ismail, Saharizah, Mohamad Salleh, & Misnan, Jemali. 2014. “Analisis Bentuk Didikan Ibu Bapa Bagi Membentuk Sahsiah Cemerlang: Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Sebang, Alor Gajah, Melaka”. *Jurnal Perspektif*, 8(2), 10.
- Abdul Munir Ismail, Saharizah Mohammad Salleh & Misnan Jemali. 2010. “Analisis Bentuk Didikan Ibu Bapa Bagi Membentuk Sahsiah Cemerlang: Kajian di Sekolah Kebangsaan Pulau Sebang, Alor Gajah, Melaka”. *Jurnal Pekspektif*, 1.
- Abdullah, Muriyah, Abdullah, Abdul Hafiz, & Rosman, Arieff Salleh. 2015. *Identifikasi Peranan Ibu Bapa dalam Memastikan Kelangsungan Pendidikan Tahfiz Anak-Anak*. Kertas Kerja dalam Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (IsPEN 2015). Selangor.
- Ahmad Munawar Ismail, Zakaria Stapa, Mohd Yusof Othman, Mashitah Yaacob. 2012. “Islam dalam Pendidikan dan Hubungannya”. *Jurnal Hadhari Special Edition*, 41.
- Ahmad, Norsidah, & Jasmi, Kamarul Azmi. 2016. *Pelaksanaan Program Kecemerlangan Pembangunan Sahsiah Sekolah di Malaysia*. Kertas Kerja dalam International Seminar on Islamic Studies and Research (ICIER2016). Eagle Bay Hotel Langkawi.
- Al-Attas, Syed Muhammad al-Naquib. 1977. *Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).
- Al-Bukhari, Muhammad. 2001. *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari*. Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir (Ed.). Jld. 1-9. Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Amaludin, Ab. Rahman, & Zainal, Madon. 2010. “Konsep Keibubapaan Teras Pembentukan Insan Terbilang”. *Jurnal Penyelidikan Islam*, 23, 125-141.
- Aziina, Komin, & Wan Noor Shazalina, Wan Sopian. 2017. *Kaitan Antara Tingkah Laku Keibubapaan dan Pendidikan Keagamaan dengan Moral Pelajar Remaja*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Baba, Sidek. 2007. *Keluarga Islam, Kemahiran Keibubapaan dan Cabaran Semasa*. Azrina Sobian (Ed.). Petaling Jaya: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Baihaqi, Muhammad. 2003. *Menangani Masalah Anak Nakal*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.

- Basiron, Bushrah, Ahmad, Hasnul Nizam, & Ibrahim, Izam Shahril 2015. Mahasiswa dan Diet Sehat. Dlm. Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Mahasiswa dan Kehidupan dari Perspektif Islam: Penampilan, Kesehatan, dan Kegiatan Sosial*. Jld. 3. Skudai, Johor: Penerbit UTM Press.
- Hamzah, Azimi. 1994. *Menangani Permasalahan Remaja dan Belia: Pembentukan Remaja dan Belia Soleh Wa Musleh*. Kertas Kerja dalam Seminar Remaja. The Plaza Inn, Melaka.
- Harian Metro, Online*. 2012, 13 Mei 2012. Pantau Remaja Bermasalah. *Harian Metro, Online*. Diakses dari [www.hmetro.com.my](http://www.hmetro.com.my)
- Hussin, Zaharah. 2005. "Mendidik Generasi Berakhlak Mulia: Fokus Peranan Guru Pendidikan Islam". *Masalah Pendidikan*, 28(1), 79-94.
- Ismail, Ahmad Munawar, & Jasmi, Kamarul Azmi. 2016. *Akidah dan Akhlak dalam Pendidikan Islam*. Skudai, Johor: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2017. Remaja dan Kehidupan Berbatasan dalam Beragama. Dlm. Azmi Kamarul Jasmi (Ed.), *Siri 4 Remaja Hebat: Batasan Dan Halangan Kecemerlangan Remaja Muslim*. Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2005. *Menjejaki Kecemerlangan Rasulullah S.A.W. dalam Pendidikan Keluarga Islam*. Kertas Kerja dalam Sambutan Maulid al-Rasul. Perkarangan Masjid Jamek Ladang Sri Gading Pekan Sri Gading Batu Pahat Johor. [http://eprints.utm.my/41143/1/JasmiKA2005\\_MenjejakiKecemerlanganRasulullahdlmPendidikan.pdf](http://eprints.utm.my/41143/1/JasmiKA2005_MenjejakiKecemerlanganRasulullahdlmPendidikan.pdf)
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2016a. Amar Makruf Nahi Mungkar. Dlm. Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam*. Edisi Pertama ed., hlm. 11-13. Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia & Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam [Malaysia] (AIES).
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2016b. Pembangunan Akhlak. Dlm. Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam*. Edisi Pertama ed., hlm. 99-100. Skudai Johor:: Fakulti Tamadun Islam UTM & Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam [Malaysia] (AIES).
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2017a. Masalah Seksual dalam Kalangan Remaja dan Penyelesaiannya. Dlm. Azmi Kamarul Jasmi (Ed.), *Remaja Hebat Siri 1: Batasan dan Halangan Kecemerlangan Remaja Muslim*. Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2017b. *Remaja Hebat: Dasar Pembangunan Remaja Hebat*. Jld. 1. Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2020. *Kehebatan Doa dalam Islam*. Jld. 1. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Hong, Foo Chee, & Shamsuddin, Shazmeen Daniar. 2012. *Perkembangan Sosial Anak dan Hubungannya dengan Rakan Sebaya*. Kertas Kerja dalam Seminar Pertama Sains, Teknologi, dan Manusia.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Md Salleh, Siti Fauziyani. 2007. *Pendidikan dan Pembangunan Keluarga Cemerlang*. Skudai Johor Bahru: Penerbit UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Md. Saleh @ Masrom, Siti Fauziyani, Mustari, Mohd Ismail, et al. 2004. *Pembentukan Tatacara Kehidupan Beradab: Keperluan Asas Kanak-kanak Islam*. Kertas Kerja dalam Simposium Kebangsaan Kanak-kanak Menurut Perspektif Islam.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Mustari, Mohd Ismail, Bachok, Nurul Atika, et al. 2017. Membina Remaja Cemerlang dengan Kerohanian. Dlm. Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Remaja Hebat: Dasar mbaagwiaa Remaja Hebat, P.*, ISBN: 978-983-52-1376-2. Jld. 1, hlm. 57-81. Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Razali, Siti Suraini. 2017. Peranan Islam dalam Membentuk Peribadi Remaja Cemerlang. Dlm. Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Remaja Hebat: Akhlak Sebagai Dasar Pembangunan Remaja Muslim, p.* Jld. 2, hlm. 1-18. Skudai Johor: Penerbit UTM Press.

- Jasmi, Kamarul Azmi, Razi, Mohd. Rafeez, & Shidun, Mohamad Shafiq. 2012, 22 September 2012. *Toleransi dan Aktiviti Sosial dalam Kalangan Kanak-kanak*. Kertas Kerja dalam Seminar Pertama Sains, Teknologi, dan Manusia. Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Sahir, Zafirah, & Halim, Nur Asmidar. 2012, 22 September 2012. *Penjagaan Anak-anak yang Menyeronokkan*. Kertas Kerja dalam Seminar Pertama Sains, Teknologi, dan Manusia. Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamus Dewan*. 2005. *Kamus Dewan*. Edisi Keempat ed. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Pelajar*. (Ed.) 2008). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kosmo (Producer). (2019, februari 27). Stres melampau punca dera anak. *Kosmo Online*. Retrieved from <http://www.kosmo.com.my/k2/rencana-utama/stres-melampau-punca-dera-anak-1.849576>
- Kraemer, Sebastian (Producer). (2000, December). US National Library of Medicine. *BMJ Publishing Group*. Retrieved from <https://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC1119278/>
- Mansor, Aminuddin. 2017, Dcember 26. Bentuk anak dengan didikan agama. *Utusan Online*, 1.
- Marchant, G.J, Paulson S.E, dan Rothlisberg, B.A. 2001. "Relation of middle school students perception of family and school context with academic achievement". *Psychology in school*, 38, 505-519.
- Marican, S, & Mohamed, Mahmood Nazar. 1995. "Pencemaran Budaya Remaja: Siapakah yang Bertanggungjawab". *Jurnal Kebajikan*, 17(1).
- Masyfu', Jiddy. 2017. *Konsep Pendidikan Akhlak Menurut Imam Al-Ghazali*. (Vol 2 No 1 (2017): April), Sekolah Tinggi Ilmu Tarbiyah Perstuan Guru Republik Indonesia Pasuruan, Indonesia, Unit Penelitian dan Pengabdian Masyarakat (UPPM).
- Mat Naib, Norfarhana. 2017. *Peranan Ibu Bapa Dalam Mendidik Anak-Anak*. (Ijazah Sarjana Muda Syariah), KIAS. (031)
- Mat Yusoff, Rabiatul 'Adawiyah, Abdullah Hamami, Nurul Faridah, & Jasmi, Kamarul Azmi. 2012. *Adab Percakapan dan Perkembangan Bahasa Anak-anak*. Kertas Kerja dalam Seminar Pertama Sains, Teknologi dan Manusia.
- Md Saman @ Osman, Asri. 2012. *Peranan Ibu Bapa dalam Mendidik Anak-Anak*. Jitra Kedah: Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, IPG Kampus Darulaman.
- Mohd Azhar, Nur Aziza, Zolkifli, Nurnasyitah, & Jasmi, Kamarul Azmi. 2012. *Pembentukan Nilai Peribadi kepada Anak-anak*. Kertas Kerja dalam Seminar Pertama Sains, Teknologi, dan Manusia.
- Mohd Noor, Ahmad Firdaus, Jasmi, Kamarul Azm, & A Shukor, Khairunnisa. 2013, 17-18 September 2013. *Masalah Sosial dalam Kalangan Pelajar dan Peranan Pensyarah Pendidikan Islam dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Kertas Kerja dalam Prosiding Seminar Pertama Pendidikan dan Penyelidikan Islam [SePPIM'13]. The Main Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Hairudin, Amin, & Kamarul Azmi, Jasmi. 2011. *Sekolah Agama: Penjana Generasi Berakhlak*. Ed. 1. ed. Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim, Malaysia: Penerbit UTM Press, Universiti Teknologi Malaysia.
- Muslim, al-Hajjaj. t.th. *Sahih Muslim*. Jld. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr.
- Nooraini, Othman, & Salasiah, Khairollah. 2013. "Eksplorasi Hubungan antara Personaliti Islamik dan Gaya Keibubapaan". *International Journal of Islamic Thought*, 4, 11.
- Norhisham, Muhamad. 2015. *Biah Solehah Dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA)*. (Doktor Falsafah), Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak.



- Raffardi, Izzah Nur Aida Zur. 2015. "Personaliti Bapa daripada Perspektif Islam". 7.
- Rajikin, M. H., Omar, B., & Sulaiman, S. 1997. *Pemakanan Dan Kesihatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Rashid, Abd Rahim Abd, Hussin, Sufean, & Hassan, Che Hashim. 2006. *Krisis dan konflik institusi keluarga*. Kuala Lumpur: Utusan Publications Distributer Sdn Bhd.
- Rashid, Abd Rahim Abd, Hussin, Sufean, & Tubah, Jamaludin. 2006. *Institusi Keluarga Menghadapi Cabaran Alaf Baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications Distributers Sdn Bhd.
- Sahalan, Safruddin bin (Producer). (2015, Februari 7). MyHealth Portal. *Peranan Ibu Bapa Sebagai Role Model Untuk Mendidik Anak Yang Sihat Dan Cemerlang*. Retrieved from <http://taknak.myhealth.gov.my/peranan-ibu-bapa-sebagai-role-model-untuk-mendidik-anak-yang-sihat-dan-cemerlang/>
- Sharif, Zainudin, & Mohamad Roslan, Norazmah. 2011. "Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Remaja Terlibat dalam Masalah Sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka". *Journal of Education Psychology & Counseling, volume, 1(1)*, 115-140.
- Siron, Rusinah. 2010. Remaja dan Masalah Sosial. *Utusan Malaysia*.
- Subhi, Nasrudin, Abu Bakar, Radhiah, Ahmad, Norazura, et al. 2012. "Hubungan Seksual Remaja: Antara Cinta dan Nafsu". *Journal of Social Sciences and Humanities, 7(1)*, 15-25.
- Talib al-Rembawi, Zakaria. 2003. *Pemakanan & Kesannya Terhadap Pembentukan Peribadi Muslim*. Selangor: Pustaka Ilmi.
- Tuskan, Harun Arrasyid 2003. *Peranan Dan Tanggungjawab Anak Terhadap Ibu Bapa*. Pustaka Al-Shafa: Kuala Lumpur.
- Wan Mohamed Radzi, Che Wan Jasimah. 2000. *Konsep Kesihatan Melalui Pemakanan: Pendekatan Islam dan Sains*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Zaid, Siti Salwa, & Jasmi, Kamarul Azmi () P. 2012. *Pendidikan Sosial Menurut Imam al-Nawawi: Satu Kajian Teks terhadap Kitab Riyad al-Salihin*. (Bachelor's), Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. Diakses dari <http://merr.utm.my/7266/>
- Zulkifli, A. H., O. , Jamilah, Aminah, A & , & IsmiArif, I. 2011. "Hubungan di antara penglibatan ibubapa dan pencapaian akademik pelajar miskin di negeri Selangor". *JIAE: Journal of Islamic and Arabic Education, 3(2)*, 31-40.
- Zulkifli Abd. Hamid, et, al. 2011. "Hubungan antara ibu bapa dan pencapaian akademik pelajar miskin di Negeri Selangor". *Journal of Islamic and Arabic Education, 38-39*.